

PROPOSAL/ STORYBOARD PROTOTYPE UHIT 2302

PEMIKIRAN SAINS DAN TEKNOLOGI

"AUTO-FEEDING MACHINE"



SEKSYEN : 33

NAMA AHLI KUMPULAN :

1. SHASITHER SANDRAN
2. LIM WEI HSIEN
3. JOSIAH JEEVANRAJ JOSEPH
4. DIVIYA ARUMUGAM
5. NURUL HAZLEEN NATASYA BINTI YUSNI
6. AMINUL HAKIM BIN MD RAFIE

"AUTO-FEEDING MACHINE"



PENDAHULUAN

- **PENJAGAAN KANAK-KANAK, ORANG TUA DAN ORANG KURANG UPAYA MERUPAKAN SALAH SATU TANGGUNGJAWAB YANG SANGAT MEMBEBAHKAN. ORANG YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN HENDAKLAH MENGIRINGI SERTA MEMBANTU GOLONGAN TERSEBUT DALAM MELAKUKAN SEGALA AKTIVITI SEHARIAN MEREKA TERMASUK MEMBERSIHKAN DIRI, MENYALIN BAJU, MENYUAP MAKANAN, MOBILITY (PERGERAKAN) DAN SEBAGAINYA. HAL INI AKAN MENYEBABKAN PENJAGA TERSEBUT TIDAK DAPAT MEMBUAT LEBIH DARIPADA SATU PERKARA PADA MASA YANG SAMA. MISAL KATA, PENJAGA TERSEBUT PERLULAH SENTIASA MENGIRINGI DAN MEMBANTU ANAK JAGAANNYA KETIKA MENYALIN BAJU DAN HAL INI AKAN MENYEBABKAN DIA TIDAK DAPAT FOCUS PADA PERKARA LAIN SEPERTI MEMBERSIHKAN RUMAH DAN MEMASAK. BAGI MEMUDAHKAN SERTA MERINGANKAN BEBAN PENJAGA, KUMPULAN KAMI TELAH BERCADANG UNTUK MENGHASILKAN SATU MESIN PENYUAP MAKANAN BAGI GOLONGAN YANG MEMERLUKAN PERHATIAN. DENGAN MENGGUNAKAN MESIN INI SEMASA MAKAN, KANAK-KANAK KECIL, ORANG TUA SERTA ORANG KELAINAN UPAYA TIDAK PERLU BERGANTUNG PADA PENJAGA MEREKA MALAH DAPAT MENIKMATI MAKANAN DENGAN SENDIRI. TERDAPAT PELBAGAI LAGI KEBAIKAN MENGGUNA MESIN INI YANG DINAMAKAN “AUTO-FEEDING MACHINE” DALAM PROSES PENJAGAAN GOLONGAN YANG MEMERLUKAN PERHATIAN.**

DEFINISI PROTOTYPE



- **ALAT BANTUAN MAKAN AUTOMATIK**
- **DICIPTA KHAS BAGI MEMUDAHKAN MAKAN ORANG YANG KURANG MAMPU MENGGUNAKAN TANGAN**
- **ALAT PEMBERI MAKAN AUTOMATIK TELAH DIILHAMKAN DARIPADA MESIN MAKAN AUTOMATIK HAIWAN**
- **CONTOH MESIN PEMBERI MAKAN AUTOMATIK : MESIN PEMBERI MAKAN IKAN, HAIWAN PELIHARAAN, HAIWAN TERNAKAN**
- **SETIAP ALAT MEMPUNYAI BENTUK YANG BERBEZA TETAPI MENGGUNAKAN KONSEP YANG LEBIH KURANG SAMA**

CARA DAN FUNGSI PROTOTYPE

- **MESIN INI BOLEH DIPROGRAM UNTUK MENYUAPKAN MAKANAN SECARA AUTOMATIK. MESIN INI AKAN MENGESAN TUBUH MANUSIA YANG PERLU DISUAP DAN AKAN MELAKUKANNYA SECARA AUTOMATIK. MASA MENYUAP BOLEH DITENTUKAN. SELAIN ITU, MESIN INI JUGA AKAN MEMBERI PERINGATAN UNTUK MENGAMBIL UBAT DAN MENYUAPKAN UBAT JIKA PERLU. MESIN INI JUGA DILENGKAPI DENGAN SISTEM KESELAMATAN. SEBAGAI CONTOH, JIKA PESAKIT TUA TERJATUH ATAU MEMERLUKAN BANTUAN KECEMASAN, MESIN INI AKAN MEMBERIKAN ISYARAT KEPADA PENJAGANYA.**

HUBUNGAN DENGAN AGAMA

Semua agama mengajar semua penganutnya untuk melakukan kebaikan kepada orang lain, salah satu kebaikannya ialah memudahkan kehidupan manusia lain terutama manusia yang memerlukan pertolongan.

Misalnya dalam agama islam, Rasulullah SAW pernah bersabda: "Barangsiapa memudahkan orang yang dalam kesulitan, ALLAH memudahkannya di dunia dan akhirat." (Riwayat Ibnu Majah). Jadi ciptaan ini adalah bertujuan untuk memudahkan urusan orang lain. Ini kerana, setiap perbuatan yang baik walau sekecil zarah pasti akan dibalas juga dengan kebaikan.

HUBUNGAN DENGAN AGAMA

Dapat melakukan amalan amalan atau ibadah keagamaan dengan hati yang gembira dan tenang tanpa perlu memikirkan bagaimana hendak menguruskan makan dan minum bagi si pesakit.

Ciptaan ini dapat memudahkan si pesakit untuk melakukan ibadah keagamaan dengan mudah ini kerana tiada apa yang mengganggu fikiran mereka sewaktu beribadat tentang siapa yang akan memberikan makanan untuk mereka.

HUBUNGAN DENGAN MANUSIA

**Dapat mengurangkan
kerbergantungan terhadap orang
lain untuk menguruskan makan
dan minum si pesakit.**

**Jika ahli keluarga mahupun
jiran terdekat tidak dapat
menjaga si pesakit yang kurang
upaya, maka pesakit tidak perlu
bimbang sewaktu tiba makan dan
minum untuk seharian kerana
ciptaan ini dapat membantu
pesakit makan dan minum tanpa
memerlukan pertolongan orang
lain.**

HUBUNGAN DENGAN MANUSIA

Dapat mengurangi limitasi si pesakit terutama dari aspek makan dan minum.

Dengan adanya ciptaan ini limitasi pesakit akan dapat dikurangkan, ini kerana jika sebelum dengan adanya ciptaan ini bagi pesakit yang kurang upaya untuk mengerakkan bahagian tangan, waktu makan adalah salah satu limitasi terbesar bagi mereka jika tiada yang menghulurkan bantuan untuk memberi mereka makan. Jadi, ciptaan ini membolehkan si pesakit untuk makan dan minum dengan sendiri. Implikasinya, ia bukan sahaja dapat mengurangkan limitasi si pesakit malah dapat memudahkan kehidupan seharian pesakit.

HUBUNGAN ANTARA MANUSIA

Merenggangkan hubungan si pesakit dengan orang lain seperti hubungan kekeluargaan , sahabat handai mahupun kejiranan.

Jika dilihat dari perpsektif berbeza, ciptaan ini berkemungkinan akan merenggangkan hubungan si pesakit dengan keluarga ataupun sahabat handai dan jiran terdekat. Ini kerana, mereka ini akan berpendapat bahawa sudah ada ciptaan ini untuk menjaga makan dan minum si pesakit, maka mereka akan lebih fokus kepada hal lain daripada mengambil berat tentang keadaan pesakit.

SISTEM NILAI DAN ETIKA

- **DENGAN PENCIPTAAN INI, KITA TELAH MEMENTINGKAN ASPEK KEMANUSIAAN DAN IHSAN. MESIN INI DICIPTA UNTUK SELESAKAN DAN MEMUDAHKAN KEHIDUPAN PESAKIT YANG MENGHADAPI MASALAH MAKAN SENDIRI. SELAIN ITU, MESIN INI JUGA MENJAGA MARUAH PESAKIT YANG MALU SENTIASA DISUAPKAN OLEH ORANG LAIN. ETIKA MENGHORMATI HAK-HAK MANUSIA TELAH TERCAPAI. DENGAN MESIN INI, MASYARAKAT SEKARANG MULAI MEMBERI PERHATIAN DAN PRIHATIN KEPADA KUMPULAN ISTIMEWA INI.**

KESAN POSITIF DAN NEGATIF

POSITIF

- **DAPAT MENGESAN JIKA ORANG BERADA DALAM KEADAAN KECEMASAN.**
- **BOLEH DIGUNAKAN DI HOSPITAL UNTUK MENYUAP PESAKIT-PESAKIT YANG MEMERLUKAN BANTUAN ORANG LAIN.**
- **DAPAT MEMBANTU ORANG KURANG UPAYA DALAM AKTIVITI HIDUPAN HARIAN.**

NEGATIF

- **AKAN MENGURANGKAN INTERAKSI ANTARA AHLI KELUARGA.**

BELANJAWAN / ANGGARAN KOS

BAHAN	KOS
Tiub Silikon	RM15.00
Kad manila	RM 3.00
Mangkuk dan cawan plastik	RM15.00
Tape	RM1.50
Recycle cardboard	-
TOTAL	RM34.50

KESIMPULAN

- **KAMI BERHARAP AGAR PENCIPTAAN INI DAPAT MEMBANTU PIHAK PENJAGA UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN MEREKA DALAM MENJAGA GOLONGAN KANAK-KANAK KECIL, ORANG TUA DAN ORANG KURANG UPAYA. DENGAN INI JUGA, GOLONGAN YANG MEMERLUKAN PERHATIAN ISTIMEWA TIDAK PERLU BERASA DIRINYA MEMBEBANKAN ORANG LAIN MALAH MEREKA DAPAT MELAKUKAN KEPERLUAN MEREKA DENGAN SENDIRI. INI JUGA AKAN MEMBERI IMPAK YANG POSITIF TERHADAP EMOSI MEREKA AGAR SENTIASA CERIA DAN TIDAK BERASA TERPENCIL. PENCIPTAAN KAMI JUGA AKAN MEMUDAHKAN LAGI PROSES PENJAGAAN GOLONGAN YANG MEMERLUKAN PERHATIAN ISTIMEWA DAN TIDAK MENYUSAHKAN MANA-MANA PIHAK YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DENGAN GOLONGAN TERSEBUT. HASILNYA, GOLONGAN YANG MEMERLUKAN PERHATIAN TIDAK LAGI AKAN DIASINGKAN SERTA DAPAT MELAKUKAN RUTIN HARIAN MEREKA SEPERTI ORANG BIASA.**